D.R. 16/94

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994. Tajuk ringkas.

**2.** Akta Mahkamah Rendah 1948, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2— Pindaan seksyen 2. *Akta 92.*

*(a)* dengan menggantikan takrif "Chief Justice" dengan takrif yang berikut:

' "Chief Judge" means the Chief Judge of the High Court in Malaya or of the High Court in Sabah and Sarawak, as the case may require;';

*(b)* dengan menggantikan perkataan "Borneo" dalam takrif "High Court" dengan perkataan "Sabah and Sarawak";

*(c)* dengan memotong takrif "Judge"; dan

*(d)* dengan menggantikan perenggan *(b)* dalam takrif "local jurisdiction of the High Court" dengan perenggan yang berikut:

"*(b)* in the case of the High Court in Sabah and Sarawak, the territory comprised in the States of Sabah and Sarawak;".

Pindaan seksyen 4.

**3.** Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Justice" dengan perkataan "Judge".

Pindaan seksyen 59.

**4.** Seksyen 59 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Justice" dalam subseksyen (3) dan (4) dengan perkataan "Judge".

Pindaan seksyen 65.

**5.** Seksyen 65 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Subject to the limitations contained in this Act, a Sessions Court shall have—

*(a)* unlimited jurisdiction to try all actions and suits of a civil nature in respect of motor vehicle accidents, landlord and tenant and distress; and

*(b)* jurisdiction to try all other actions and suits of a civil nature where the amount in dispute or the value of the subject-matter does not exceed two hundred and fifty thousand ringgit.".

Pmdaan seksyen 70.

**6.** Seksyen 70 Akta ibu adalah dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "subsections (3) and" dengan perkataan "subsection"; dan

*(b)* dengan memotong subseksyen (3).

Pindaan seksyen 72.

**7.** Seksyen 72 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "where the amount of rent to be distrained does not exceed ninety-six thousand ringgit".

**8.** Seksyen 73 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "one hundred" dalam perenggan *(b)* dengan perkataan "two hundred and fifty". Pindaan seksyen 73.

**9.** Seksyen 76 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Justice" dalam subseksyen (3) dengan perkataan "Judge". Pindaan seksyen 76.

**10.** Seksyen 78 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Justice" dalam perenggan *(a)* dan *(b)* dengan perkataan "Judge". Pindaan seksyen 78.

**11.** Seksyen 93 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan menggantikan proviso kepadanya dengan proviso yang berikut: Pindaan seksyen 93.

> 'Provided that for the purpose of proceedings in Magistrates' Courts, section *13(b)* shall be read as if the words "twenty-five thousand" were substituted for the words "two hundred and fifty thousand".'.

**12.** Seksyen 106 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Justice" dengan perkataan "Judge". Pindaan seksyen 106.

**13.** Jadual Ketiga kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 26 perenggan yang berikut: Pindaan Jadual Ketiga

"Interim payments. 26A. Power to make imerim payments.".

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 ("Akta").

2. *Fasal 2, 3, 4, 9, 10* dan *12* masing-masing berlujuan meminda seksyen 2,4, 59,76, 78 dan 106 Akta berikutan dengan penggantian sebutan mengenai "Chief Justice of a High Court" dan "High Court in Borneo" masing-masing dengan sebutan mengenai "Chief Judge of a High Court" dan "High Court in Sabah and Sarawak".

3. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 65 Akta dengan memberi Mahkamah Sesyen kuasa untuk mendengar segala tuntutan bagi ganti-rugi yang berbangkit daripada kemalangan kenderaan motor, kes tuan tanah atau tuan rumah dan penyewa, dan distres bagi sewa serta juga kes jika amaun atau nilai hal perkara itu tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit. Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen berkebolehan untuk mengendalikan pertambahan bidang kuasa itu kerana mereka dilantik daripada kalangan pegawai dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang mempunyai lebih daripada dua belas tahun pengalaman dalam Perkhidmatan itu.

4. *Fasal 13* bertujuan meminda Jadual Ketiga kepada Akta untuk memberi mahkamah rendah kuasa untuk membuat bayaran interim apabila perlu dibuat sedemikian dalam apa-apa prosiding sivil.

5. Pindaan-pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan kecil atau berbangkit.

***IMPLIKASI KEWANGAN***

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. ($U^2$) 1772.]